

## PENYATA PENERUS

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Beraudit Lion Industries Corporation Berhad ("LICB" atau "Kumpulan" atau "Syarikat") bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017

### PRESTASI KEWANGAN

Tahun kewangan 2017 merupakan satu tempoh yang menggalakkan bagi industri keluli tempatan setelah terjejas teruk akibat kemasukan secara besar-besaran keluli import yang dijual pada harga murah dalam pasaran negara sejak bertahun-tahun lamanya. Di sebalik keadaan pasaran yang mencabar, penerapan duti perlindungan oleh Kerajaan terhadap bar keluli konkrit yang diperkuat, rod dawai keluli dan lingkaran bar berbunga pada bulan April 2017 membolehkan para pengilang keluli tempatan menguasai semula bahagian pasaran mereka daripada produk-produk yang diimport. Para pengilang keluli tempatan juga semakin lega apabila China memutuskan untuk mengurangkan pengeluaran dan eksport kelulinya mulai separuh kedua tahun 2016.

Berikutan persekitaran operasi pengeluaran keluli kembali positif dengan menyaksikan jumlah jualan lebih tinggi dan margin keuntungan bertambah baik, Kumpulan mencatatkan peningkatan perolehan sebanyak 6% kepada RM2,667 juta daripada RM2,515 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan sebelumnya. Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM107.4 juta bagi tahun kewangan ini berbanding kerugian sebanyak RM852.5 juta setahun lalu.

Sehingga 30 Jun 2017, aset bersih Kumpulan mengukuh kepada RM1,709 juta atau RM2.51 sesaham. Kumpulan berada pada kedudukan tunai bersih berbanding kedudukan hutang bersih dalam tahun kewangan yang lalu.

### PROSPEK

Di peringkat domestik, ketentuan akhir yang dibuat oleh Kerajaan untuk mengenakan duti perlindungan bagi bar keluli konkrit yang diperkuat dan rod dawai keluli memberikan persekitaran perniagaan yang lebih adil kepada para pengilang keluli tempatan untuk tempoh selama 3 tahun mulai bulan April 2017. Meskipun begitu, di sebalik perlindungan yang diberikan itu, persekitaran operasi perniagaan keluli terus mencabar memandangkan terdapatnya persaingan sengit dalam kalangan pengilang keluli tempatan dan peningkatan harga bahan mentah.

Kumpulan akan sentiasa berwaspada dan peka terhadap perubahan pasaran dan meneruskan usaha untuk meningkatkan prestasi operasi, dan dengan demikian, perniagaan Kumpulan pada tahun kewangan akan datang dijangka kekal memuaskan.

### PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pemegang saham, pelanggan, pembiaya kewangan, sekutu perniagaan dan pihak berkuasa kerajaan dan pengawal selia yang dihargai atas sokongan dan keyakinan mereka terhadap Kumpulan sepanjang tempoh yang mencabar ini.

Saya juga ingin melahirkan penghargaan tulus ikhlas kepada rakan-rakan Pengarah atas bimbingan, sokongan dan sumbangan mereka yang tidak ternilai sepanjang tahun kewangan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan dan warga kerja atas dedikasi dan komitmen mereka kepada Kumpulan.

**DATUK SERI UTAMA RAJA NONG CHIK BIN**  
**DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN**  
Pengerusi

## CHAIRMAN'S STATEMENT

On behalf of the Board of Directors ("Board"), I am pleased to present the Annual Report and Audited Financial Statements of Lion Industries Corporation Berhad ("LICB" or "the Group" or "the Company") for the financial year ended 30 June 2017.

### FINANCIAL PERFORMANCE

Financial year 2017 has been an encouraging year for the local steel industry which had suffered from the severe impact of the influx of cheap steel into the country for years. Despite the prevailing challenging market conditions, the safeguard duties imposed by the Government on steel reinforcing bars, steel wire rods and deformed bar in coils in April 2017 have enabled the local steel millers to regain their market share from imports. It was additional relief for the local steel millers when China decided to reduce its steel production and exports starting from the second half of 2016.

With the operating environment for steel operations turning positive with higher sales tonnage and improved profit margin, the Group saw its revenue increased 6% to RM2,667 million from RM2,515 million recorded in the previous financial year. The Group posted a profit before tax of RM107.4 million for the year as against a loss of RM852.5 million a year ago.

As at 30 June 2017, the Group's net assets were strengthened at RM1,709 million or RM2.51 per share. The Group turned to a net cash position from a net debt position in the last financial year.

### PROSPECTS

On the domestic front, the final determination of safeguard duties for both steel reinforcing bars and steel wire rods would provide a more equitable business environment for the local steel millers for a period of 3 years commencing from April 2017. Nevertheless, despite the safeguard being out in place, the operating environment for the steel business remains challenging in view of the stiff competition amongst the local steel millers and rising raw material prices.

The Group will stay vigilant and responsive to market changes and continue with its efforts to improve operating performance and thus the Group's businesses in the next financial year are anticipated to remain satisfactory.

### ACKNOWLEDGEMENT

On behalf of the Board, I would like to express my heartfelt and sincere appreciation to all our valued shareholders, customers, financiers, business associates and the various governmental and regulatory authorities for their continuing support and confidence in the Group throughout these challenging times.

I would also like to convey my deepest appreciation and gratitude to my fellow Directors for their invaluable guidance, support and contribution throughout the year.

Last but not least, I would like to place on record my sincere thanks to the management and staff for their dedication and commitment to the Group.

**DATUK SERI UTAMA RAJA NONG CHIK BIN**  
**DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN**  
Chairman

## 主席报告

我谨代表董事部，欣然提呈金狮工业有限公司截止2017年6月30日会计年度的常年报告和经审核财务报表。

### 财务表现

对于多年遭受廉价钢铁涌入我国而蒙受严重影响的本地钢铁业而言，2017会计年度是令人鼓舞的一年。尽管市场情况充满挑战，政府在2017年4月对螺纹钢、钢线材以及变形钢卷征收保障措施税，促使本地钢铁业者能从入口钢铁市场重获份额。中国决定从2016下半年开始减少钢铁的产量与出口量，更使本地钢铁业者松了一口气。

由于钢铁业的营业环境转为正面，销售吨数增加以及涨幅改善，本集团的营业收入增加6%，从上一个会计年度的25亿1千500万令吉增加到本会计年度的26亿6千700万令吉。本集团在本会计年度取得1亿740万令吉的税前盈利，上一个会计年度亏损则为8亿5千250万令吉。

在2017年6月30日，本集团的净资产增值至17亿900万令吉，或每股2.51令吉。本集团从上一个会计年度的净债务转为净现金。

### 展望

在国内市场，最终实施的螺纹钢和钢线材保障措施税，将为本地钢铁厂提供比较公平的商业环境。这项措施将从2017年4月开始为期三年。无论如何，尽管实施保障措施税，钢铁业的营业环境仍然充满挑战，这是由于本地的钢铁业者之间竞争激烈，以及原料价格上涨。

本集团将保持警惕，对市场变化做出相对反应，并将继续致力于改善营业环境，因此，预料本集团将在下一个会计年度提呈令人满意的业绩。

### 鸣谢

我谨代表董事部，真诚感谢我们所有尊贵的股东、客户、供应商、金融家、商业伙伴、各政府单位，感谢他们在这些充满挑战的时期继续给予本集团支持与合作，以及对本集团有信心。

我也要深切赞扬和感谢董事们，这一年来给予宝贵的指导、支持和贡献。

最后，我衷心感谢管理层和所有雇员对本集团的奉献与承诺。

主席

**DATUK SERI UTAMA RAJA NONG CHIK BIN  
DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN**